

09 OCT 1997

MT TERIMA PERMOHONAN ZAINAL RAMPAK JADI ANGGOTA UMNO

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang bermesyuarat malam ini menerima permohonan Presiden MTUC, Encik Zainal Rampak untuk menganggotai UMNO.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata permohonan Zainal perlu dirujuk kepada MT untuk mendapat kelulusan kerana beliau pernah menganggotai parti politik lain.

Zainal sebelum ini pernah menganggotai DAP dan Parti Melayu Semangat 46 (S46).

Laporan akhbar baru-baru ini menyatakan Zainal telah menyerahkan permohonan untuk menganggotai UMNO selepas pertemuan antara MTUC dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 20 September lepas.

-- BERNAMA

AZZ RI